

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATUK SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM
(SERIAN)**

TARIKH : 20 JULAI 2020

SOALAN

**DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM [SERIAN] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan bilakah CIQS Tebedu akan dinaik-taraf.**

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Dalam Negeri KDN sememangnya bercadang untuk membina Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Tebedu yang baru. Keperluan projek ini adalah bagi memastikan kemudahan keluar masuk penumpang dan barangan melalui pintu masuk ini disediakan dengan komprehensif bagi menyokong pembukaan semula aktiviti perdagangan di Tebedu susulan daripada *Border Trade Agreement* (BTA) dan *Border Crossing Agreement* (CSA) yang akan ditandatangani.

Namun begitu, KDN masih belum menerima maklum balas positif daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) berkaitan proses rundingan dengan pihak Indonesia bagiewartakan Entikong sebagai *Legal Landing Port*. Aktiviti perdagangan antara Tebedu – Entikong akan menghadapi masalah sekiranya isu ini tidak diselesaikan terlebih dahulu bagi mengelakkan Kompleks ICQS baru yang disiapkan nanti kurang digunakan (*underutilize*) sebagaimana yang sedang dihadapi di Kompleks ICQS Kota Putra, Kedah dan Kompleks ICQS Bukit Bunga, Kelantan.

Oleh itu, sekiranya terdapat perkembangan yang positif dan komitmen terbaru berkaitan pembukaan semula perdagangan melalui pintu masuk Tebedu – Entikong dalam tahun ini, KDN akan mengemukakan permohonan pembinaan Kompleks ICQS baru yang komprehensif kepada Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri di bawah *Rolling Plan-2 RMK-12*.